

UCAPAN
YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
SELAKU YANG DI-PERTUA BAKTI DI MAJLIS
PELANCARAN DERMASISWA BAKTI DI SRI PERDANA
KUALA LUMPUR, PADA HARI RABU
6HB. FEBRUARI, 1985
PUKUL 3.30 PETANG

Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz,
Menteri Perusahaan Awam merangkap
Penasihat BAKTI;

Dif-Dif Kehormat;

– Ahli-Ahli BAKTI;

Tuan-tuan dan Puan-puan serta para pelajar
sekalian.

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Majlis Penyampaian Derma ini kepada murid-murid sekolah dan orangramai adalah *baik tahun 1985 ini*.

bagi yang pertama kalinya. Selaku yang di-Pertua BAKTI dan bagi pihak BAKTI, saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada petang ini, khasnya kepada Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz kerana telah sudi melapangkan masa untuk merasmikan Pelancaran Dermasiswa BAKTI

sebentar lagi.

2. Majlis ini adalah khas untuk pelancaran Dermasiswa kepada murid-murid sekolah seluruh Malaysia. Tabung khas ini adalah hasil nasihat serta syor daripada Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah untuk BAKTI

menaburkan khidmat dan bantuan kepada murid-murid sekolah yang memerlukan, supaya mereka tidak tercicir atau terhalang daripada melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi akibat ketidak-cukupan perbelanjaan.

3. Sebuah Jawatankuasa Kecil Dermasiswa BAKTI telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1984 yang lalu, dan Yang Mulia Tengku Datin Marziah, Pengerusi Jawatankuasa Kecil ini akan mengulas sedikit berkenaan dengan Dermasiswa itu sebentar lagi. Saya hanya ingin memaklumkan bahawa tabung ini adalah ^{20%} - sebahagian daripada hasil kutipan amal ~~sepanjang~~ tahun 1984 dan kami berharap akan dapat menambahkan tabung ini daripada hasil projek amal atau sumbangan terus daripada

$$\begin{array}{r} 5 \text{ murid S. Rendah} \times \$200/- = \$1000/- \\ 5 \text{ murid S. Menengah} \times \$300/- = \$1500/- \\ \hline \$2500/- \end{array}$$

10 murid x 14 Pengeri x 2 tahun.

~~35,000/-~~ tahun Pertama.

~~70,000/-~~ tahun ke-2 & seterusnya.

orang ramai tiap-tiap tahun supaya lebih ramai lagi murid-murid sekolah dapat menikmatinya,

4. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Mulia Tengku Datin Marziah dan rakan-rakannya kerana kesungguhan mereka dalam menjayakan projek baru BAKTI ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat dan pegawai-pegawai mereka di peringkat negeri dan daerah yang telah bekerjasama dalam mengkaji latar belakang setiap pemohon.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Selain daripada tabung khas bagi pelajaran murid-murid sekolah, BAKTI telah menyumbangkan derma sejumlah \$909,350,40 sepanjang tahun 1984 yang lalu, BAKTI telah memberi derma kepada:

- i. Individu-individu untuk membeli ubat dan mendapatkan rawatan kanser, pace-maker, motosikal bagi orang cacat, belanja rawatan di luar negeri dan lain-lain berjumlah \$37,905.00;
- ii. Persatuan-Persatuan seperti PEMADAM, WAO, Pusat Pertolongan Wanita, Pure Life Society, Cheshire

Denma 1984:

1. Kpd individu (19)	=	37,905/-
2. " peralihan ₂ (11)	=	133,512/-
3. " Sek + Univ.	=	21,000/-
4. " Bencana Alam	=	47,000/-
5. " Hospital ₂	=	601,333/40
6. " miscellaneous	=	68,400/-
Jlh	⌘	<u>909,350.40 ⌘</u>

Denma Jan: 1985: = \$8,947.95 ⌘

Denma Feb: 6th, 85 Keb = 43,800.00

Denmasision: = 5,100.00

Home, Persatuan Bekas Perajurit
Malaysia berjumlah \$133,512,00 dan

- iii. Sekolah-sekolah – seperti
alat-alatan untuk murid-murid cacat
penglihatan, buku-buku untuk
rujukan, *membantu siswa-siswi*
~~menghantar pelajar-pelajar~~
dalam projek mereka di
kampung-kampung – berjumlah
\$21,200.00.

6. Tidak lupa juga BAKTI telah
menyumbangkan derma kepada mangsa-mangsa
banjir, kebakaran, ribut dan juga kepada
balu+balu tragedi Pucung. Mereka dapat
bersama-sama dengan kita pada petang ini
kerana dibawa oleh Puan Michael Tang, juga
seorang balu daripada tragedi itu,

Sungguhpun derma BAKTI tidak akan membawa balik suami-suami mereka, tetapi BAKTI turut bersimpati dengan mereka semua dan juga kepada mangsa-mangsa bencana alam yang berlaku di tanahair kita. Bagi tahun 1984 sejumlah \$47,000,00 telah disumbangkan.

7, Bantuan yang terbesar sekali berjumlah \$601,333,40 disumbangkan kepada Hospital-Hospital Besar di seluruh negara, Sebanyak enam buah Hospital Besar telah *dapat* mengadakan Satellite Yunit Hemodialysis bagi rawatan pesakit-pesakit buah pinggang, dan *bekalan* pace-makers dan pemasangnya di beri kepada semua Hospital Besar di seluruh negara. Selain daripada itu, BAKTI telah melengkapkan Hospital Law Keng Home di Sibu dengan *Perpustakaan* Ultrasound Machine dan melengkapkan Jabatan

Kardiologi Hospital Besar Kuala Lumpur dengan alat-alat visual bagi latihan doktor-doktor, yang akan disampaikan sebentar lagi.

8. Sejumlah \$68,400,00 lagi telah didermakan juga kepada institusi-institusi yang lain umpamanya Tabung Kenang-Kenangan P. Ramlee, taman bunga di Muzium Negara dan termasuk juga perbelanjaan menyediakan serunding bagi tentera kita pada Hariraya Puasa yang lepas.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Syukur Alhamdulillah, BAKTI telah dapat berbuat demikian kerana keyakinan orang ramai, syarikat-syarikat dan badan-badan tertentu terhadap BAKTI. Saya ingin

Denma 1985:

Jan: \$8,947.95

— kahi palau
— ubat rawatan kanser tulang.
— motosikal roda 3 yg ada di luar untuk En. Anumugaya.

Hari ini: Feb: 6th:

J/K Kebajikan = \$40,500/-

J/K Bencana Alam = 3,300/- Kebakaran

Denmasiswa = 5,100/- — Sel w.p. sahaja.

Denmasiswa bagi Agensi lain akan di sampaikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Guru Besar Calun.

Setiap Agensi = \$2,500/- setahun.

merakamkan penghargaan saya di atas kepercayaan yang diberi kepada BAKTI dan berdoa agar penderma-penderma yang budiman akan terus menderma supaya BAKTI akan dapat terus memberi sumbangan khidmat dan bakti kepada pihak-pihak yang memerlukannya.

10. Saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan terima kasih kepada ^{Pengurus dan} Ahli-ahli ~~.....~~ Jawatankuasa dalam "BAKTI dan kepada semua ^{(Uel, Ceboyan, Bencana Alam + Dermasiswa} yang terlibat dalam menjayakan Majlis Pelancaran Dermasiswa BAKTI pada petang ini. Hari ini 6hb, Februari, 1985 adalah hari bersejarah bagi BAKTI dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz kerana dorongan dan sokongannya terhadap BAKTI amatlah membanggakan. Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu
Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

